

# **Usul bincang isu NFCorp ditolak**

**Y**ANG Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia semalam menolak usul bagi membincangkan isu National Feedlot Corporation (NFCorp) dengan menegaskan, perkara berkenaan sudah menjadi kes mahkamah.

Keputusan berkenaan mencetuskan kekecohan apabila Zuraida Kamruddin (PKR-Ampang) yang membentangkan usul berkenaan pada Jumaat lalu di bawah Perintah Tetap 18 (1), bangun untuk membantah keputusan.

Pandikar Amin berkata, usul tidak diterima kerana Penggerusi NFCorp, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail sudah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Kelmarin, Mohamad Salleh mengaku tidak bersalah atas empat tuduhan berasingan melakukan pecah amanah membabitkan RM49.7 juta dan menggunakan harta syarikat itu tanpa kebenaran mesyuarat agung, tiga tahun lalu.

“Apabila perkara mutakhir berlaku di mana pihak yang berkenaan itu dibawa ke mahkamah, maka tidaklah saya boleh buat sesuka hati kerana saya pun terikat dengan peraturan mesyuarat,” katanya.

Keputusan Yang Dipertua Dewan menyebabkan Zuraida tidak berpuas hati dan bangkit untuk menjelaskan bahawa usul itu adalah bersabit pengurusan tatacara kewangan dan pengendalian projek bukannya membabitkan penggerusi eksekutif NFCorp.

Pandikar Amin turut memberi amaran tidak membenarkan mana-mana ahli Dewan untuk berhujah mengenai apa-apa perkara di luar peraturan mesyuarat.